

FGVH: Felda Tidak Tunduk Dengan Desakan Segelintir Peneroka - Isa Samad Bernama
6 April, 2012

GUA MUSANG, 6 April (Bernama) - Felda tidak akan tunduk dengan desakan segelintir peneroka yang menerima hasutan pembangkang supaya agensi kerajaan itu menarik balik penyenaiaan Felda Global Venture Holdings (FGVH) Jun ini.

Pengerusinya Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata sekarang bukan lagi masa untuk Felda mendengar desakan atau ugutan daripada mereka yang terbabit dan usaha penyenaiaan FGVH ke Bursa Malaysia itu tetap dilaksanakan.

"Oleh itu, saya ingatkan peneroka di Rancangan Tanah Felda seluruh negara supaya hentikan membuat sebarang spekulasi berhubung penyenaiaan FGVH kerana usaha Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak adalah untuk masa depan mereka.

"Perdana Menteri amat komited dengan usaha berkenaan yang mampu membawa perubahan baru dalam Felda," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Perasu, dekat sini, hari ini.

Mohd Isa turut hairan dengan sikap segelintir peneroka yang mudah mendengar hasutan pembangkang hingga sanggup membawa isu berkenaan ke mahkamah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657582>